

TERMA DAN SYARAT
PERMOHONAN PEMBIAYAAN PENDIDIKAN PTPTN
Sila baca kelayakan dan peringatan di bawah sebelum mengisi borang

A. Kelayakan Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN

Pelajar layak memohon pembiayaan pendidikan sekiranya memenuhi kelayakan berikut:

1. Warganegara Malaysia;
2. Berumur tidak melebihi 45 tahun pada tarikh memohon;
3. Lulus SPM dengan sekurang-kurangnya 3 kepujian dalam mana-mana mata pelajaran; atau
4. Lulus SPM dan memperolehi CGPA 3.0 ke atas untuk pelajar lepasan sijil kolej komuniti yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat diploma politeknik sahaja atau pelajar lepasan diploma politeknik yang mendapat tawaran pengajian ke peringkat ijazah pertama di IPTA atau IPTS;
5. Bagi pelajar-pelajar IPTA/ IPTS/ Politeknik, kursus yang diikuti mestilah mendapat kelulusan pendaftaran daripada Jabatan Pengurusan IPT (IPTA/ IPTS)/ Jabatan Pengurusan Politeknik dan Kolej Komuniti, Kementerian Pengajian Tinggi;
6. Bagi pelajar-pelajar IPTS, kursus yang diikuti mestilah mendapat Sijil Perakuan Akreditasi daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan belum tamat tempoh sah laku semasa permohonan dikemukakan.
7. Bagi pelajar yang mempunyai kelayakan yang berbeza daripada yang disyaratkan di perenggan (e) dan (f), pengesahan bahawa kelayakan tersebut setaraf dengan kelayakan yang disyaratkan hendaklah diperolehidaripada jabatan atau agensi sebagaimana dinyatakan;
8. Baki tempoh pengajian semasa membuat permohonan hendaklah tidak kurang dari satu (1) tahun.
9. Pembiayaan pendidikan PTPTN memerlukan dua (2) penjamin yang terdiri daripada ibu dan bapa kandung pemohon sahaja tanpa mengambil kira had umur dan pendapatan penjamin;
10. Tiada penaja lain;

B. Dokumen Sokongan

Setiap permohonan mestilah dilampirkan bersama SATU SALINAN dokumen sokongan yang telah DISAHKAN/DITANDATANGANI seperti berikut:

1. **Maklumat Permohonan Pembiayaan** yang boleh dicetak di butang CETAK MAKLUMAT di dalam laman Web Permohonan Online yang telah didaftarkan sebelum ini. - **dokumen ini tidak perlu disahkan.**
2. **Salinan Kad Pengenalan Penerima Biaya.** Salinan fotokopi muka hadapan dan belakang kad pengenalan tersebut perlu dilakukan pada muka surat yang sama.
3. **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM / SPMV).** Slip transkrip keputusan peperiksaan SPM / SPMV hanya sah untuk digunakan sekiranya tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan diambil. Laporan polis perlu disertakan dengan slip peperiksaan sekiranya berlaku kehilangan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM / SPMV).
4. **Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT.** Surat tawaran yang diperolehi melalui cetakan internet / portal IPT perlu disahkan oleh Pegawai Kumpulan A daripada IPT pelajar berkenaan sahaja.
5. **Salinan Buku akaun** (muka surat yang tercatat nombor akaun) / **Slip Deposit Bank / Pengesahan nombor akaun persendirian** mengikut bank yang telah ditetapkan oleh

- IPT. Dokumen ini hanya perlu disediakan sekiranya berlaku kesilapan no akaun pada Dokumen Perjanjian Penerima Biaya.
6. **Salinan Transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain.** Contoh : STPM / Diploma / Matrikulasi/ Ijazah / Sarjana.
 7. Salinan Slip Gaji / Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Kad Pesara / Penyata Pencen / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PENJAGA PERTAMA (1)**.
 8. Salinan Slip Gaji / Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Kad Pesara / Penyata Pencen / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PENJAGA KEDUA (2)**.
 9. Salinan Slip Gaji / Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Surat Pengesahan Pendapatan – **PENERIMA BIAYA**. (sekiranya penerima biaya masih bekerja)
 10. Salinan Slip Gaji / Borang Cukai Pendapatan (Individu) / Surat Pengesahan Pendapatan / Surat Pengesahan Tidak Bekerja - **PASANGAN PENERIMA BIAYA**. (sekiranya penerima biaya telah berkahwin)
 11. Salinan Kad Pengenalan / Passport - **BAPA KANDUNG** (sekiranya masih hidup)
 12. Salinan Kad Pengenalan / Passport - **IBU KANDUNG** (sekiranya masih hidup)
 13. Salinan Sijil Kematian/ Surat Akuan Sumpah jika telah meninggal dunia atau jika tidak dapat dikesan – **BAPA KANDUNG**.
 14. Salinan Sijil Kematian/ Surat Akuan Sumpah jika telah meninggal dunia atau jika tidak dapat dikesan – **IBU KANDUNG**.
 15. Surat Pengesahan/ Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Pusat Zakat sekiranya penerima bantuan bulanan dari Agensi berkenaan- **PENERIMA BIAYA/ IBU BAPA KANDUNG / PENJAGA**.
 16. Surat Pengesahan Pengalaman Kerja daripada Majikan. (Bagi Penerima Biaya yang menggunakan pengalaman kerja sebagai salah satu syarat kelayakan masuk)

Bagi pelajar yang mengemukakan permohonan pada semester 2 dan ke atas, tambahan dokumen sokongan berikut diperlukan:

1. Surat Pengesahan masih belajar dari IPT; dan
2. Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.

(Setiap dokumen sokongan hendaklah difotostat dengan menggunakan kertas bersaiz A4 dan disahkan pegawai yang layak).

Pegawai yang layak mengesahkan dokumen adalah seperti berikut:

Wakil Rakyat, Pegawai Kerajaan Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Pengamal Undang - Undang, Pesuruhjaya Sumpah, Jaksa Pendamai, Pengetua, Guru Besar Sekolah(sekolah kerajaan sahaja), Pegawai Polis berpangkat ASP ke atas, Pegawai Tentera berpangkat Kapten atau setaraf dan ke atas, Penghulu, Ketua Kampung, Peggawa, Tuai Rumah, Ketua Kaum atau Mukim yang bertauliah.

CARA MEMOHON PEMBIAYAAN PENDIDIKAN ADALAH SEPERTI BERIKUT :

- Pemohon hendaklah memohon pembiayaan pendidikan secara dalam talian (*online*) di Portal Rasmi PTPTN melalui Sistem Permohonan Pembiayaan PTPTN Online di <http://www.ptptn.gov.my> .
- Pemohon hanya dibenarkan memohon berpandukan tarikh yang telah ditetapkan mengikut IPT masing-masing. Panduan tarikh untuk membuat permohonan mengikut IPT berkaitan boleh dirujuk di Portal Rasmi PTPTN (<http://www.ptptn.gov.my>).
- Pemohon perlu membeli No PIN bernilai **RM 5.00** di semua cawangan Bank Simpanan Nasional melalui 3 saluran dibawah sebelum membuat pendaftaran kali pertama permohonan pembiayaan pendidikan iaitu:-
 1. Kaunter
 2. Mesin Teller Automatik (ATM)
 3. Mesin Deposit Tunai (CDM)

No PIN hanya sah dalam tempoh 6 bulan bermula dari tarikh pembelian No PIN di Bank Simpanan Nasional (BSN) sehingga tarikh pendaftaran permohonan online.

- Pemohon hendaklah mendapat tawaran kemasukan ke IPT sebelum memohon pembiayaan pendidikan.
 - Pemohon perlu mempunyai nombor akaun individu mengikut bank yang telah ditetapkan oleh IPT masing-masing kecuali kepada pemohon yang mengikuti pengajian di IPT yang memberi kemudahan pra-pembukaan akaun bank untuk pelajarinya.
 - Bagi pemohon yang melanjutkan pengajian ke peringkat Sarjana/PhD (Sepenuh Masa) di bawah pembiayaan Pakej Rangsangan Ekonomi Kedua (Bajet Mini) dari Kementerian Pengajian Tinggi, pemohon hendaklah memilih nama kursus pengajian yang bermula dengan perkataan "Bajet Mini" di Butiran Nama Program/Kursus
 - Pemohon boleh menyemak keputusan permohonan pembiayaan PTPTN di Portal Rasmi PTPTN melalui Sistem Permohonan Pembiayaan Online PTPTN bermula hari ke - 6 (hari bekerja) selepas tarikh tutup permohonan online yang telah ditetapkan oleh PTPTN.
 - Pemohon yang berjaya ditawarkan pembiayaan PTPTN perlu melayari Portal Rasmi PTPTN melalui Sistem Permohonan Pembiayaan Online untuk mencetak dokumen yang disenaraikan.
 - Pastikan komputer anda mempunyai program '*Adobe Acrobat Reader*' untuk tujuan cetakan dokumen. Program tersebut boleh dimuat turun daripada laman web <http://www.adobe.com/products/acrobat/>. Sila klik pada ikon 'Get ADOBE READER' dan 'Install' di komputer anda.
 - Dokumen yang tersenarai dibawah hendaklah dicetak dengan menggunakan **kertas berwarna putih yang bersaiz A4 (80 gsm). Cetakan hanya dibenarkan pada satu muka sahaja untuk setiap helaian (bagi satu-satu muka surat). Dakwat cetakan hendaklah berwarna hitam.**
- i. Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) **Surat Tawaran Pembiayaan Pendidikan (berserta Akaun Penerimaan, Surat Kebenaran 1, 2 dan 3)**. Sila lengkapkan dan tandatangan kedua-dua set dokumen berkenaan **.

- ii. Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) dokumen **Perjanjian Pembiayaan Pendidikan**. Sila lengkapkan dan tandatangan kedua-dua set dokumen berkenaan **.
- iii. Sediakan 2 set (dibenarkan 1 set cetakan komputer dan 1 set salinan fotostat) **Lampiran Perjanjian Pembiayaan Pendidikan**. **Pelajar** dikehendaki untuk ditandatangani ringkas di setiap muka surat pada ruangan yang disediakan di bahagian bawah dokumen berkenaan**;
- iv. Sediakan 2 keping setem hasil yang bernilai RM10.00 setiap satu Dokumen Perjanjian Pembiayaan Pendidikan yang telah disempurnakan, hendaklah dilekatkan dengan setem hasil bernilai RM10.00 di sudut atas kanan pada muka depan setiap set dokumen perjanjian. (**RUJUK LAMPIRAN A PADA DOKUMEN PERJANJIAN PEMBIAYAAN**)

Nota**

Setiap set dokumen yang dilengkapkan adalah untuk tujuan simpanan dan rujukan **Penerima Biaya dan PTPTN**.

Salinan dokumen sokongan seperti berikut hendaklah disediakan oleh pelajar dengan menggunakan kertas **BERSAIZ A4** berwarna putih dan **TIDAK PERLU DISAHKAN**.

Setiap salinan dokumen sokongan hendaklah dipalang dua (2) garisan lurus dan ditulis "**Kegunaan PTPTN sahaja**":

- **Maklumat Permohonan Pembiayaan** yang boleh dicetak di butang CETAK MAKLUMAT melalui Sistem Permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN Online yang telah didaftarkan sebelum ini.
- **Salinan Kad Pengenalan Pemohon**. (muka hadapan dan belakang dibuat salinan pada muka surat yang sama).
- **Salinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM / SPMV)**. (Nota: Bagi yang mengemukakan salinan slip keputusan peperiksaan SPM/ SPMV, hanya slip yang tidak melebihi tempoh 2 tahun dari tahun peperiksaan boleh diterima pakai).
- **Salinan Surat Tawaran Kemasukan ke IPT**. (Surat tawaran dari cetakan laman web IPT boleh diterima tetapi hendaklah disahkan oleh pegawai di IPT terbabit sahaja).
- **Salinan Buku Akaun Bank** (muka surat yang tercatat nombor akaun)/ Salinan Slip Deposit Bank/ Salinan Pengesahan nombor akaun persendirian mengikut bank yang telah ditetapkan oleh PTPTN dan IPT masing-masing. Salinan tersebut mestilah mempunyai maklumat iaitu nama, nombor kad pengenalan dan nombor akaun pemohon. (Dokumen ini sekiranya no akaun yang tercatat di Dokumen Tawaran pelajar salah).
- **Salinan Transkrip keputusan peperiksaan dan sijil kelayakan masuk lain**. Contoh: STPM / Diploma / Matrikulasi/ Ijazah Sarjana Muda/ Ijazah Sarjana (Master). (Nota: Sila sertakan surat pengesahan tamat pengajian dari IPT yang mengendalikan kelayakan

masuk tersebut jika pemohon belum menerima sijil dan transkrip peperiksaan juga tidak dinyatakan bahawa pelajar telah menamatkan pengajian/ layak dianugerahkan sijil).

- **Salinan Slip Gaji** (ketika permohonan dikemukakan)/ **Salinan Borang Cukai Pendapatan (Individu)/ Salinan Kad Pesara/ Salinan Surat Pengesahan Tidak Bekerja – IBUBAPA/ PENJAGA/ PEMOHON/ PASANGAN PEMOHON.**
- **Salinan Surat Pengesahan/ Surat Akuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat/ Pusat Zakat** sekiranya pemohon/ ibu bapa kandung/ penjaga merupakan penerima bantuan bulanan dari agensi berkenaan.
- **Surat Pengesahan Pengalaman Kerja daripada Majikan.** (Bagi Penerima Biaya yang menggunakan pengalaman kerja sebagai salah satu syarat kelayakan masuk).

Bagi pelajar-pelajar yang membuat permohonan Pembiayaan Pendidikan PTPTN pada semester ke-2 pengajian dan ke atas, dokumen sokongan tambahan (WAJIB) seperti berikut diperlukan:

- Salinan Surat Pengesahan masih belajar dari IPT. Pengesahan daripada Dekan/ Ketua Program/ Pegawai Hal Ehwal Pelajar; dan
- Salinan keputusan peperiksaan setiap semester sebelumnya.